



06 MAY, 2024

Jualan Agro MADANI: 200 set barangan habis dijual dalam masa setengah jam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



UNTUK RAKYAT: Wong (enam kanan) menyampaikan set barangan makanan asas kepada salah seorang pembeli di Sibujaya, kelmarin.

Jualan Agro MADANI: 200 set barangan habis dijual dalam masa setengah jam

SIBU: Sebanyak 200 set barangan makanan asas disediakan pada program Jualan Agro MADANI di Pasar Raya Kim Hock, Sibujaya di sini kelmarin habis dijual dalam masa setengah jam sahaja.

Program anjuran Majlis Daerah Luar Bandar Sibujaya (MDLBS) itu merupakan inisiatif bersama Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Timbalan Pengerusi MDLBS Wong Ching Yong berkata set makanan itu termasuk gula, minyak masak, tepung dan mi segera.

"Kita menyediakan sebanyak 200 set dijual pada harga RM10 setiap set namun

dalam masa setengah jam sahaja sudah habis dijual," katanya.

Menurutnya, barangan itu dijual berdasarkan 'siapa cepat dia dapat'.

Katanya, harga disediakan melalui pelan jualan adalah sekurang-kurangnya 15 hingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran semasa.



06 MAY, 2024

Jualan Agro MADANI: 200 set barangan habis dijual dalam masa setengah jam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

UNTUK RAKYAT: Wong (enam kanan) menyampaikan set barangan makanan asas kepada salah seorang pembeli di Sibujaya, kelmarin.

SIBU: Sebanyak 200 set barangan makanan asas disediakan pada program Jualan Agro MADANI di Pasar Raya Kim Hock, Sibujaya di sini kelmarin habis dijual dalam masa setengah jam sahaja. Program anjuran Majlis Daerah Luar Bandar Sibujaya (MDLBS) itu merupakan inisiatif bersama Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).